



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PELANCARAN PROGRAM CILIK PERPADUAN 2024

KUALA LANGAT, 27 Mac 2024 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah **merasmikan Program Cilik Perpaduan Kembali Ke Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan Tahun 2024** di Rumah Pangsa Impian, Bandar Saujana Putra. Program ini bertujuan untuk **memperkuhkan peranan institusi Tabika dan Taska Perpaduan dalam menyediakan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti** serta memupuk **semangat cinta kepada negara dan nilai-nilai murni di kalangan generasi muda.**

YB Menteri menyatakan, "Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan memainkan peranan yang amat **penting dalam pembangunan asas pendidikan kanak-kanak** di negara kita. Melalui program ini, kami berusaha untuk memastikan setiap Tabika dan Taska Perpaduan dapat memberikan **pendidikan yang berkualiti serta memperkuhkan kesedaran kebangsaan** di kalangan generasi muda."

Sejak penubuhannya pada tahun 1976 bagi Tabika Perpaduan dan 2010 bagi Taska Perpaduan, kedua-dua institusi ini telah menjadi **pusat percambahan nilai-nilai kebangsaan dan murni di kalangan kanak-kanak prasekolah**. Pada masa kini, terdapat **1,781 Tabika Perpaduan dan 41 Taska Perpaduan di seluruh negara** yang menyediakan pendidikan awal yang berkualiti untuk lebih daripada **36,000 murid**.

Program **Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Tabika Perpaduan** adalah menggunakan **Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)** dan turut kepada nilai-nilai murni dan penghayatan Pendidikan Rukun Negara. **Modul-modul khusus seperti Pendidikan Rukun Negara, Jom Urus Diri, dan Pengajaran Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa** telah diperkenalkan untuk memupuk **semangat patriotisme dan kemahiran asas** dalam kalangan murid seawal usia.

Pada tahun ini, sebanyak **RM 30,076,496.00** telah diperuntukkan oleh **Kementerian untuk menyediakan kemudahan kepada murid Tabika dan Taska Perpaduan**. Ini termasuk buku aktiviti, *starter kit*, perlindungan insurans, geran perkapita dan bantuan makanan tambahan. Kemudahan ini diharapkan **dapat memastikan semua murid dapat kembali ke alam persekolahan dengan bersedia, selamat, dan bersemangat** untuk belajar.

Selain itu, julung kalinya **sistem e-Tabika Perpaduan (eTP) juga telah dibangunkan untuk memudahkan pengurusan dan pengoperasian** Tabika Perpaduan. Ini adalah langkah penting dalam memastikan data dan maklumat berkaitan dengan pengurusan Tabika Perpaduan disimpan dengan teratur, selamat, dan sistematik.

Kementerian turut menyokong **pendidikan digital selari dengan sistem pendidikan yang mengalami perubahan pesat**. Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) komited **memastikan semua kelas Tabika dan Taska Perpaduan mendapat kemudahan internet**. Mulai tahun ini, JPNIN akan menyeragamkan penyediaan kemudahan internet kepada 1,822 Tabika dan Taska Perpaduan dengan menggunakan pelan langganan CelcomDigi yang berjumlah RM 1,390,550.00. **Melalui penyeragaman ini, Kementerian dapat menjimatkan sebanyak RM 997, 969.52 setahun berbanding menggunakan perkhidmatan pelbagai provider telco sedia ada**.

YB Menteri juga mengucapkan terima kasih kepada semua ibubapa dan masyarakat yang telah memilih Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak untuk memperkembangkan potensi anak-anak mereka.

Kementerian Perpaduan Negara

27 Mac 2024

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat lapan (8) Jabatan/ Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak, 8. Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()